


Nota Keterangan untuk Laporan Kredit

Contoh Laporan Kredit:

Nama Peminjam		Nombor ID 1		Nombor ID 2		Tarikh Lahir/Pendaftaran		Warganegara		Amaran																					
DINA HAZLINA BINTI MOHAMAD		123456789900				17/10/1978		MY																							
 BANK NEGARA MALAYSIA CENTRAL BANK OF MALAYSIA												ID Pengguna : Hazlina ID Laporan : PUBLICREQ Tarikh : 20/12/2023																			
Maklumat Kredit																															
Bil.	Tarikh	Status	Kapasiti	Pemberi Pinjaman	Cawangan	Kemudahan	Nombor Akaun/Permohonan	Jumlah Baki Belum Dikemas (RM)	Tarikh Baki Dikemas kini	Had/Jumlah Ansuran (RM)	Jenis Cagaran	Terma Pembayaran Balik Prinsipal	Ansuran Tertunggak Sepanjang 12 Bulan yang Lalu												Status Tindakan Undang-undang	Tarikh Status Dikemas kini					
													2023 Nov Okt Sep Ogos Jul Jun Mei Apr Mac Feb Jan Dis 2022																		
Kredit Belum Jelas																															
1	07/07/2008			Sendiri	ABBank	14003	45678911			30,000																					
		Belum Jelas					Kad Kredit	XXXXXX8911	15,000	30/11/2023	0	00	Bulanan		0	2	1	0	0	0	3	2	1	0	0						
2	01/01/2019			Sendiri	ABBank	14003	12345678			2,213,000																					
		Kemudahan Kredit yang Dijadualkan Semula					Pembiayaan/ Pinjaman Perumahan	0009876543	1,976,888	30/11/2023	10,660	10	Bulanan		5	4	3	2	1	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	Perintah Jualan/ Fail Saman	30/04/2023
3	13/03/2022			Sendiri	DEBank	02009	11223344			547,000																					
		Belum Jelas					Pembelian Kenderaan Persendirian	56567	369,017	30/11/2023	10,111	30	Bulanan		1	2	1	0	1	0	0	2	1	0	1	0					
							Jumlah Kredit	2,360,905	Jumlah Had	2,790,000																					
Akaun Di Bawah Pemerhatian Khas																															
4	18/10/2019			Sendiri	BCBank	21020	Kad Kredit	23456789		30/11/2023																					
Permohonan Untuk Kredit																															
5	13/12/2023	Dalam Pertimbangan		Sendiri	CDBank	12040	Pembelian Kenderaan Persendirian	45678910			40,000																				
6	15/12/2023	Dalam Pertimbangan		Sendiri	DEBank	02009	Pembiayaan/ Pinjaman Perumahan	67899876			1,900,000																				
Status Harta tanah: Primer – selesai pembinaan Alamat Baris 1: 33, LANE 3 Alamat Baris 4:												Alamat Baris 2: JALAN KUCHING Daerah/Bandar: KUCHING												Alamat Baris 3: TAMAN KUCHING Poskod: 93003		Negeri: SARAWAK Negara: MY					
Nota																															
Nama Cawangan ABBank 14003 : Jalan Dang Wangi BCBank 21020 : Sandakan CDBank 12040 : KL Main Branch DEBank 02009 : Alor Setar Branch												Jenis Cagaran 00 : Bersih 10 : Harta tanah 30 : Kenderaan Bermotor (Berdaftar dengan JPJ)																			
SEGALA MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM LAPORAN INI DIBEKALKAN OLEH PIHAK KETIGA DAN TIDAK MEWAKILI SEBARANG PENDAPAT BANK NEGARA MALAYSIA TERHADAP KEBOLEHPERCAYAAN KREDIT SUBJEK DI ATAS. OLEH YANG DEMIKIAN, BANK NEGARA MALAYSIA TIDAK BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS FAKTOR KETEPATAN DAN KESEMPURNAAN MAKLUMAT YANG TELAH LAPORKAN. SEGALA MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM LAPORAN INI ADALAH SULIT DAN TIDAK BOLEH DIDEHADKAN KEPADA PIHAK KETIGA.																															

(A) Nombor turutan dalam Laporan Kredit.**(B) Merujuk:**

- Tarikh kelulusan bagi akaun di bawah Kredit Belum Jelas dan Akaun Di Bawah Pemerhatian Khas dan Permohonan Untuk Kredit yang telah diluluskan oleh institusi kewangan; atau
- Tarikh kelulusan bagi Permohonan untuk Kredit yang telah diluluskan; atau
- Tarikh permohonan yang masih berada dalam pertimbangan institusi kewangan.

(C) Merujuk status kemudahan kredit untuk:

- Kredit Belum Jelas:
 - Belum Jelas: Semua kemudahan kredit peminjam yang masih berbaki.
 - Kemudahan Kredit Distrukturkan Semula: Kemudahan kredit yang asal telah digantikan dengan kemudahan kredit yang baharu.
 - Kemudahan Kredit Dijadualkan Semula: Tempoh pembayaran balik yang asal bagi kemudahan kredit telah dijadualkan semula.
 - Belum Jelas bagi Jaminan/Surat Kredit Tunggu Sedia yang Digunakan: Terdapat tunggakan pembayaran pada kemudahan kredit yang asal dan pembayaran bersandarkan jaminan telah diaktifkan.
 - Pinjaman di bawah Program Bantuan Pembayaran Balik Pinjaman oleh AKPK: Kemudahan kredit ini kini berada di bawah Program Bantuan Pembayaran Balik Pinjaman seperti Program Pengurusan Kredit (PPK) atau Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).
 - Pinjaman di bawah Program Bantuan Interim Pembayaran Balik Pinjaman oleh AKPK: Kemudahan kredit ini kini berada di bawah Program Bantuan Interim Pembayaran Balik Pinjaman seperti Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) atau Skim Sokongan Ketahanan Kewangan (FIRST) oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).
 - Pinjaman/Pembiayaan Terjejas yang Dijual kepada Pihak Ketiga: Kemudahan kredit ini telah dijual kepada pihak ketiga.
- Permohonan Untuk Kredit:
 - Dalam Pertimbangan: Menunggu keputusan oleh institusi kewangan.
 - Diluluskan oleh Institusi Kewangan: Diluluskan oleh institusi kewangan dan diterima oleh pelanggan.
 - Menunggu Penerimaan Pelanggan: Diluluskan oleh institusi kewangan tetapi menunggu penerimaan oleh pelanggan.

(D) Kemudahan kredit yang diambil sama ada secara langsung oleh peminjam, secara pinjaman bersama, atau diperoleh melalui syarikat pemilihan tunggal iaitu peminjam merupakan pemilik syarikat tersebut.

- (E) Institusi kewangan yang memberikan kemudahan kredit.
- (F) Cawangan institusi kewangan tempat kemudahan kredit diperoleh.
- (G) Jenis kemudahan kredit seperti kad kredit, kad caj, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan lain-lain.
- (H) Nombor rujukan yang diberikan oleh institusi kewangan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam.
- (I) Jumlah baki belum jelas bagi kemudahan kredit.
- (J) Tarikh terakhir jumlah baki belum jelas dilaporkan.
- (K) Merujuk:
 1. Jumlah kemudahan kredit yang diluluskan oleh institusi kewangan; atau
 2. Jumlah ansuran pinjaman yang perlu dibayar oleh peminjam pada masa yang ditetapkan secara berturut-turut mengikut perjanjian pinjaman sehingga jumlah pinjaman diselesaikan.
- (L) Jenis cagaran atau sekuriti yang dicagarkan bagi mendapatkan kemudahan kredit.
- (M) Kekerapan pembayaran bagi setiap kemudahan kredit, contohnya secara bulanan atau mingguan.
- (N) Rekod pembayaran kemudahan kredit; contohnya: 0 (tiada tunggakan), 1 (1 bulan tunggakan), 2 (2 bulan tunggakan) dan seterusnya.
- (O) Tindakan undang-undang yang diambil terhadap peminjam akibat kegagalan membayar balik pinjaman.
- (P) Tarikh terkini status tindakan undang-undang.
- (Q) Kemudahan kredit belum jelas yang diambil oleh peminjam.
- (R) Kemudahan kredit di bawah pengawasan rapi institusi kewangan.
- (S) Permohonan kredit yang diluluskan atau permohonan yang masih dalam pertimbangan, yang dimohon dalam tempoh 12 bulan yang lalu.
- (T) Maklumat harta tanah bagi kemudahan kredit yang dimohon.
- (U) Penerangan mengenai nama cawangan pemberi pinjaman dan jenis cagaran.